

11/06/2003

Jangan ikut desakan pemaju: PM

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak meluluskan projek pembinaan sewenang-wenangnya sehingga boleh menjejaskan industri hartanah negara.

Perdana Menteri yang kesal dengan masalah pembangunan hartanah tidak seimbang berbanding permintaan berkata, ia berlaku kerana kerajaan negeri dan PBT terlalu terpengaruh dengan desakan pemaju tanpa mengira aspek permintaan.

"Kerajaan negeri dan PBT tidak harus terpengaruh dengan desakan pemaju dan memberi kelulusan baru untuk pembangunan sewenang-wenangnya tanpa mengira aspek permintaan," katanya ketika merasmikan sesi keempat Dialog Bajet 2004 bersama Menteri Besar dan ahli Kelab Penyokong Kerajaan di Perbendaharaan di sini, semalam.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, jumlah hartanah yang belum terjual di seluruh negara masih serius, terutama bagi ruang pejabat dan premis perniagaan.

Sehingga akhir tahun lalu, jumlah hartanah tidak terjual dalam industri hartanah bernilai kira-kira RM24.70 bilion.

Ruang pejabat mencatat lebih paling besar dengan 2.74 bilion meter persegi bernilai RM10 bilion belum terjual, manakala lebih bagi ruang komersial berjumlah 1.39 bilion meter persegi.

Beliau berkata, masalah itu lebih serius di Kuala Lumpur dan beberapa bandar besar lain di seluruh negara. Oleh itu, beliau berharap langkah sewajarnya perlu diambil oleh pihak terbabit untuk mengurangkan masalah berkenaan.

Perdana Menteri juga berkata, kesan negatif Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) dan peperangan di Iraq dijangka dapat dilihat pada suku kedua dan seterusnya, jika tiada sebarang langkah diambil kerajaan.

Sehubungan itu, katanya, langkah kerajaan mengumumkan Pakej Strategi Baru untuk menangani kesan negatif perkembangan luaran itu bertujuan meningkatkan kedudukan ekonomi negara.

"Sekiranya 90 langkah yang diumumkan kerajaan dilaksanakan sepenuhnya, saya yakin ekonomi negara mampu mencapai paras pertumbuhan melebihi 4.5 peratus yang diunjurkan sebelum ini," katanya.